

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD AMZAD B. MOHAMED @
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019

SOALAN

**TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA
TERENGGANU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik
jenayah yang dilakukan oleh warga asing di Malaysia mengikut jenis-jenis
jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) memandang serius berhubung penglibatan warga asing dalam aktiviti-aktiviti jenayah dinegara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kekusaran kepada masyarakat.

Berdasarkan statistik jenayah indeks bagi tempoh tahun 2016 hingga Ogos 2019, sebanyak 42,451 kes yang direkodkan yang melibatkan warga asing. Daripada jumlah tersebut kes jenayah yang paling banyak dilakukan oleh warga asing ialah kes curi dengan sebanyak 12,647 kes, diikuti oleh kes pecah rumah dan curi sebanyak 11,862 kes dan kes curi motosikal sebanyak 4,822 kes.

Dalam memastikan warga asing tidak terlibat dalam jenayah dan masalah sosial yang lain dari terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang sindiket dari masa ke semasa dan mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Ini kerana, kehadiran anggota polis berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik secara langsung sebagai *deterrent* kepada penjenayah untuk tidak melakukan jenayah.

Usaha berterusan pihak polis telah memberikan kesan yang positif dimana statistik jenayah indeks secara keseluruhan yang melibatkan warga asing telah menunjukkan penurunan iaitu dari 13,110 kes pada tahun 2016 kepada 11,441 kes pada tahun 2017 dan 10,751 pada tahun 2018.